

BULETIN TERAJU



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

www.umk.edu.my



Misi Kemanusiaan & Kemasyarakatan & UMK ke Kemboja

Anugerah
Perkhidmatan
Cemerlang 2008



Misi Bantuan
Kemanusiaan
Gempa Bumi
ke Padang



Pengurusan UMK

Naib Canselor
Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai Mohamed

Timbalan-Timbalan Naib Canselor
Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza Mohamed
(Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni)

Y.Bhg. Prof. Dr. Azizul Halim Yahya
(Hal-Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

Pemangku Pendaftar
En. Pauzi Pak Chu

Timbalan Bendahari
En. Mohd Yusri Awang

Ketua Pustakawan
En. Azman Hashim

Editorial

Ketua Editor
Puan Wan Tik Sakinah Wan Mohd Zain
Pengarah Pusat Hubungan Korporat & Strategik

Editor
Y.Bhg. Prof. Madya Datin Rosnah Mohamad Sirin
Cik Faizdah Shah Rum
Liau Pei Wen

Wartawan
Syairmie Wosley
Normala Othman

Fotografi
Mohd Al Azam Mat Razi

Pereka
Elyani Zamri

Editor Bersekutu
Prof. Dr. Hj. Ibrahim Che Omar
Dekan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli

Prof. Madya Dr. Mohamed Dahlan Ibrahim
Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

Prof. Madya Hj. Abdul Aziz Shuaib
Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Prof. Madya Abdul Aziz Ab. Latiff
Pengarah Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana

Prof. Madya Dr. Farok Zakaria
Pengarah Pusat Pengajian Bahasa
dan Pembangunan Insaniah



Tajuk : TERAJU
Foto : Mohd Al Azam Mat Razi
Rekabentuk : Elyani Zamri

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI :
PUSAT HUBUNGAN KORPORAT DAN STRATEGIK
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa
16100 Kota Bharu, Kelantan

Email : korporat@umk.edu.my
Telefon : 09 - 771 7000
Fax : 09 - 771 7022
Website : <http://www.umk.edu.my>

PERUTUSAN Naib Canselor



Bekerja ke arah memajukan pemikiran rakyat dan pembangunan negara

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Alhamdulillah segala puji ke hadrat Allah S.W.T Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.
Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia.

TARIKH 2 Disember 2009, Universiti sekali lagi melakar sejarah baru dengan berlangsungnya Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2008 untuk kali kedua bagi mengiktiraf staf-staf cemerlang UMK dalam bidang pengajaran, penyelidikan, perkhidmatan profesional serta sokongan pada tahun 2008.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kesemua penerima APC 2008 dan saya berharap anugerah ini dapat membakar semangat anda untuk terus bekerja lebih kuat bagi membangunkan Universiti pada masa hadapan.

Bagi staf-staf UMK yang tidak terpilih, saya berharap anda tidak berputus asa kerana anugerah bukan kayu pengukur mutlak kecemerlangan seseorang staf. Saya berharap anda tidak menjadikan bekerja untuk mengejar ganjaran dan anugerah sebagai satu amalan sebaliknya perlu menanam rasa sayangkan Universiti supaya anda dapat bekerja dengan penuh komitmen, ikhlas dan seronok walaupun berhadapan dengan tekanan kerja.

Kita akan meninggalkan tahun 2009 yang penuh dengan pelbagai peristiwa dan kenangan dalam kalangan warga UMK. Kita bergerak ke tahun baru 2010 dengan bermacam-macam kemungkinan, cabaran dan ketidakpastian.

Antara dua cabaran terbesar yang perlu kita hadapi bersama adalah tiada pertambahan peruntukan dan perjawatan staf daripada Kerajaan Pusat untuk Universiti dalam tahun 2010.

Saya berharap semua kekangan tersebut tidak akan mematahkan semangat warga UMK untuk terus berusaha merealisasikan visi, misi dan objektif Universiti ini terutama apabila situasi sedemikian menuntut kita bekerja dalam persekitaran yang lebih mencabar.

Justeru, saya menyeru semua warga UMK agar berganding bahu dan bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh untuk menggerakkan agenda pembangunan Universiti ke arah kecemerlangan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-setinggi penghargaan kepada warga UMK yang telah bertungkus lumus memastikan segala program ilmiah yang dianjurkan Universiti sepanjang tahun 2009 berjalan dengan lancar dan memberi manfaat besar kepada mereka yang terlibat.

Adalah menjadi harapan saya agar usaha sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru 2010 kepada seluruh warga UMK.

Sekian. Terima kasih

Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed.

JADIKAN KONSEP 1MALAYSIA

AGENDA PEMBANGUNAN UNIVERSITI

- Y.B MENTERI PENGAJIAN TINGGI

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) disaran menjadikan konsep 1 Malaysia 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib bin Tun Razak sebagai salah satu agenda pembangunannya walaupun ia sebuah universiti baru.

Menteri Pengajian Tinggi, Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin berkata, UMK diharap dapat menjadikan kepentingan rakyat berbilang bangsa di negara ini sebagai asas kepada sistem pengurusannya melalui konsep 1 Malaysia.

"Perdana Menteri telah meletakkan kepentingan rakyat dan juga prestasi kerja serta kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam di tempat yang paling utama. Kementerian Pengajian Tinggi dan agensi-agensi di bawahnya sudah pasti tidak ketinggalan dalam pelaksanaan konsep ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2008 UMK, bertempat di sebuah hotel, di Kota Bharu, Kelantan pada 2 Disember 2009.

Sementara itu, pada sidang akhbar, Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin berkata, UMK diharap dapat merealisasikan visinya untuk menjadi satu-satunya universiti yang berorientasikan keusahawanan di negara ini.

"Kita perlu menerapkan nilai-nilai keusahawanan bukan sahaja dalam kursus keusahawanan malah setiap kursus yang ditawarkan di Universiti ini agar para pelajar dapat berhadapan dengan cabaran pasaran kerja global," katanya.



Menteri Pengajian Tinggi bersama para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2008.

STAF UMK BERKUALITI

SETARAF DENGAN IPTA LAIN

- PROF DATO' IR. DR. ZAINAI

NAIB Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Y.Bhg. Prof Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed berkata, Universiti berbangga memiliki staf-staf berkualiti yang setanding dengan staf di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) lain meskipun ia sebuah Universiti baru.

Beliau berkata, tanggungjawab sebagai staf UMK pada masa kini menuntut pengorbanan yang terlalu banyak bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, relevan dan konsisten berteraskan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan.

"Staf haruslah sentiasa menunjukkan komitmen tinggi dan bekerja dengan ikhlas tanpa mengharap pengiktirafan semata-mata kerana keikhlasan sebenarnya merupakan satu ibadah.

"Menerusi falsafah ini, sudah tentu ia akan dapat melahirkan keseronokan bekerja walaupun dalam situasi yang tertekan," katanya semasa berucap pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) UMK 2008 baru-baru ini.

Majlis yang diadakan untuk kali kedua itu bertujuan mengiktiraf staf-staf UMK yang cemerlang dalam bidang pengajaran, penyelidikan, perkhidmatan profesional serta sokongan pada tahun 2008.

Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed berkata, cabaran UMK semakin besar bagi memenuhi harapan *stakeholders* yang semakin kompleks.

Bagaimanapun jika staf-staf UMK sentiasa mempraktikkan prinsip asas bekerja seperti ketepatan masa maka UMK akan mampu menghasilkan modal insan dan sistem penyampaian yang cemerlang.

Menurutnya, staf-staf UMK juga perlu menyematkan azam kerja yang berorientasikan pencapaian dan prestasi tinggi (*outcomes with high impact*) serta mesti mempunyai sistem nilai yang menekankan pembelajaran sepanjang hayat bagi menambahkan tugas harian.



Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin bersama Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai melancarkan buku Hala Tuju UMK 2010-2020, One Step Ahead-Selangkah Ke Hadapan dan The Majestic Inauguration of The Chancellor.

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2008

Iktiraf Staf Universiti Malaysia Kelantan



Dato' Seri Khaled, Naib Canselor dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti bergambar bersama 29 Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2008.



Dato' Seri Khaled menyampaikan anugerah kepada salah seorang staf Universiti Malaysia Kelantan.



Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai menerima replika cek zakat berjumlah R M 3 0 , 0 0 0 daripada wakil Bank Islam Malaysia Berhad, Y. Bhg. Dato' Wan Ismail bin Wan Yusoh.

MENTERI Pengajian Tinggi, Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah sudi menyempurnakan perasmian Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2008, bertempat di sebuah hotel di Kota Bharu, Kelantan, pada 2 Disember 2009.

Majlis kali kedua anjuran Universiti Malaysia Kelantan (UMK) itu bertujuan mengiktiraf staf-staf cemerlang Universiti dalam bidang pengajaran, penyelidikan, perkhidmatan profesional dan sokongan pada tahun 2008.

Turut hadir ialah Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed; dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (SUK), Y.Bhg. Datuk Aiseri bin Alias serta Ahli-ahli Lembaga Pengarah UMK.

Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin turut menyampaikan anugerah kepada 29 staf cemerlang UMK dengan 12 daripadanya ialah penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2008 dan 17 lagi adalah penerima Anugerah Khas Pencapaian Berpotensi.

Sempena majlis yang penuh bermakna tersebut, tiga buah buku terbitan UMK turut dilancarkan. Antaranya ialah buku bertajuk *The Majestic Inauguration of The Chancellor* yang memuatkan koleksi foto Majlis Pemasyhuran Tuanku Canselor, K.D.Y.M.M, Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra.

Dua buah lagi buku yang turut dilancarkan ialah buku bertajuk *One Step Ahead - Selangkah Ke hadapan* yang memuatkan koleksi keratan akhbar sepanjang penubuhan UMK dan buku *Halatuju dan Pelan Strategik UMK 2010 - 2020*.

Selain menjamu selera, tetamu yang menghadiri majlis tersebut turut dihiburkan dengan beberapa persembahan tarian dan kebudayaan rakyat Kelantan seperti Makyong serta persembahan koir oleh staf dan siswi siswi UMK.

Selain itu, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang diwakili oleh Y. Bhg. Dato' Wan Ismail bin Wan Yusoh telah menyampaikan *mock-up* cek bernilai RM30,000 kepada UMK sebagai dana pembangunan Universiti.

KOR SUKSIS UMK

LAKAR SEJARAH



UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) melakar sejarah baru apabila lima (5) Pegawai Kehormatnya menerima sijil pelantikan dan Pemakaian Pangkat oleh Ketua Polis Kelantan, Senior Asisten Komisioner 1, Dato' Abd. Rahim bin Haji Hanafi dalam satu majlis yang berlangsung di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, pada 15 November 2009.

Pegawai kehormat berkenaan terdiri daripada Komandan Kor SUKSIS, Y.Bhg. ACP/KS Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed; Timbalan Komandan, Y.Bhg. SUPT/KS Prof. Madya Dr. Mohamed Dahlan bin Ibrahim; DSP/KS Ahmad Tarmizi bin Azizan; ASP/KS Mohd Adzwan bin Kamaruzaman dan ASP/KS Arbaiah binti Abdul Razak.

Menurut Komandan Kor SUKSIS yang juga Naib Canselor UMK, ACP/KS Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai, penganjuran majlis itu bertujuan untuk memberikan pengiktirafan kepada pelantikan staf UMK selain menguar-uarkan penubuhan Unit Kor sebagai satu entiti dalam organisasi UMK dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Kor SUKSIS UMK ditubuhkan secara rasmi pada 14 Mei 2008 dengan jumlah pelatuhnya seramai 136 orang terdiri daripada 67 orang pelatih perempuan dan 69 orang pelatih lelaki. Pelatih Kor SUKSIS dibimbing oleh lima (5) orang Pegawai Kehormat UMK dan 13 orang Pegawai PDRM," katanya semasa Majlis Pemakaian Pangkat dan Penyampaian Sijil Pelantikan Pegawai Kehormat Kor SUKSIS UMK baru-baru ini.



Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai menerima sijil pelantikan daripada Ketua Polis Kelantan.



Para pegawai yang menerima pangkat di Majlis Pemakaian Pangkat dan Penyampaian Sijil Pelantikan Pegawai Kehormat Kor SUKSIS UMK.

WARGA UMK OPTIMIS HADAPI CABARAN 2010



Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai menyampaikan taklimat beliau.



Sumbangan daripada warga UMK.

"STAF Universiti Malaysia Kelantan (UMK) perlu bersedia menghadapi cabaran baru menerusi sistem kerja yang mantap untuk membawa Universiti ke tahap lebih tinggi", jelas Naib Canselor, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed.

Beliau berkata demikian kepada lebih 300 warga UMK semasa menyampaikan ucapan dalam majlis Amanat Bulanan Bersama Naib Canselor di Dataran Pelajar, UMK, pada 1 November 2009.

Katanya, hasrat itu hanya akan tercapai dengan mengamalkan tiga konsep iaitu ikhlas, jujur dan bertanggungjawab sepanjang masa menjalankan tugas masing-masing.

"Kita mempunyai matlamat untuk membangunkan pelajar menerusi konsep keusahawanan yang menjadi teras kepada penubuhan Universiti," katanya.

"Kita perlu membuat persediaan awal dan jangan mengungkit perkara lama yang sudah berlalu kerana kecekapan bekerja itu datang dengan pengalaman."

"Kita sudah belajar daripada pengalaman itu dan ambil iktibar daripada perkara lemah serta berazam untuk melakukan yang terbaik pada masa hadapan," katanya.

UMK mahu realisasi lima teras

TANGGAL 1 Oktober 2009 adalah permulaan tahun keempat Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainal bin Mohamed menyandang jawatan Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Dalam tempoh tiga tahun yang lalu UMK dilihat semakin berkembang dari segi peningkatan bilangan pelajar, staf akademik dan bukan akademik, infrastruktur dan sebagainya seiring dengan visi Universiti untuk muncul sebagai peneraju pembangunan modal insan. Sesungguhnya, tiga tahun lalu usaha memaju dan membangunkan sebuah universiti baru bukan sesuatu perkara yang mudah, malah ia menuntut pengorbanan serta kerja keras pelbagai pihak. Justeru, satu wawancara bersama Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainal bin Mohamed telah diadakan bagi membolehkan kita mengetahui dengan lebih lanjut perkembangan, cabaran dan harapan beliau selepas menerajui Universiti ini selama tiga tahun.

Bagaimanakah perkembangan dan pencapaian UMK sehingga hari ini setelah Dato' menerajui Universiti selama tiga tahun?

Kita telah mula melaksanakan perkara-perkara yang telah dirancang sebelum ini dalam usaha membangunkan Universiti ini. Kita mempunyai lima teras strategi untuk direalisasikan iaitu membangun dan mengantarabangsakan program pengajian serta aktiviti akademik Universiti; menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, cekap dan berintegriti; membangun infrastruktur yang menyokong falsafah pembangunan Universiti bertaraf dunia; mengamalkan sistem pengurusan dan tadbir urus yang mantap; serta menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat industri.

Bolehkah Dato' jelaskan dengan lebih lanjut tentang lima teras strategi tersebut?

Dari segi program akademik, kita akan memberi fokus kepada penambahan program akademik. Misalnya daripada empat program pada awal operasi telah bertambah menjadi lapan program dalam tahun kedua, dan pada hari ini kita mempunyai 14 program akademik. Bagaimanapun, kita tidak boleh berbangga dengan kejayaan penambahan program akademik sahaja kerana perkara yang lebih penting ialah bagaimana kita hendak menyampaikan ilmu-ilmu tersebut kepada para pelajar dengan baik.

Kita telah berjaya menyediakan tenaga sumber manusia di Universiti ini iaitu daripada tiada staf sehingga mempunyai ratusan staf setakat ini. Kita mengambil pendekatan tertentu dalam pengambilan staf kerana kita mahu memilih staf yang berkualiti dan terbaik termasuk dari segi akademik untuk menjayakan agenda pembangunan Universiti.

Dari segi hal ehwal infrastruktur pula, kita memberi kepinganan untuk mengadakan infrastruktur asas. Setelah kita mempunyai infrastruktur yang asas maka kita perlu berusaha meningkatkan kualitinya. Kita juga harus ingat bahawa infrastruktur yang dibangunkan bukan sahaja untuk dimanfaatkan oleh warga UMK sebaliknya masyarakat setempat.

Kita mahu majukan aspek urus tadbir di Universiti ini supaya proses kerja yang baik dapat diwujudkan. Saya juga meminta perkara-perkara berkaitan tadbir urus Universiti seperti proses dan susun atur kerja dikumpul serta diterjemahkan dalam bentuk penulisan untuk rujukan semua pihak.

Institusi pengajian tinggi (IPT) pada masa sekarang bukan lagi hanya berperanan sebagai

menara gading sebaliknya ia bertanggungjawab untuk memberi manfaat kepada masyarakat setempat, juga pada peringkat nasional dan antarabangsa.


UMK telah menjadi satu sumber ekonomi kepada masyarakat setempat sejak penubuhannya selama tiga tahun. Sebagai contoh, kita menempah makanan daripada pengusaha tempatan setiap kali menganjurkan sesuatu majlis Universiti.

Kita telah menyumbang sebanyak RM17 juta kepada pendapatan masyarakat setempat pada tahun pertama UMK beroperasi manakala jumlah itu semakin meningkat kepada lebih kurang RM60 juta pada tahun ketiga ini.

Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Dato' dan warga UMK dalam usaha membangun dan memajukan Universiti ini?

Antara cabaran yang dihadapi adalah lima teras strategi UMK yang saya sebutkan tadi mungkin perlu disemak semula apabila Universiti ini telah mantap. Kita mahu mencapai sasaran enrolmen 12,000 pelajar ijazah sarjana muda dan 3,000 ijazah tinggi pada tahun 2020. Untuk tujuan itu kita perlu membuat perancangan yang sesuai dari segi program akademik dan pembangunan fizikal.

Selain itu, kita perlu memastikan semua staf UMK memahami dan menjayakan agenda Universiti. Mereka perlu terlibat dengan menyumbang ke arah pembangunan Universiti. Kita juga mahu memantapkan sistem pengurusan Universiti dengan bantuan teknologi komunikasi maklumat (ICT) dengan mewujudkan sistem *e-management*.



Kelebihan UMK berbanding Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) lain?

Setiap Universiti ada kelebihan masing-masing dan apa yang dilakukan oleh UMK pada hari ini sehingga menjadi kebanggaan saya ialah kita boleh mencorakkan Universiti ini meskipun ia sebuah IPTA baru. Kita mahu UMK ini berbeza dan unik berbanding IPTA lain namun pada masa yang sama tetap kekal relevan iaitu tidak bertentangan dengan arus perdana. Kalau kita buat apa yang telah dilakukan oleh IPTA lain sebelum ini, maka tiada maknanya sebuah Universiti baru ditubuhkan. UMK mesti berjaya menjadi sebuah Universiti keusahawanan yang selari dengan visinya iaitu sebagai peneraju pembangunan modal insan bercirikan keusahawanan bagi kesejahteraan global. Kita mahu apabila masyarakat sebut tentang keusahawanan, mereka akan sebut UMK. Justeru, kita perlu mencari nilai tambah pada sistem sedia ada supaya kita dapat membuat yang lebih baik untuk Universiti ini.

Matlamat dan perancangan Dato' terhadap pembangunan UMK pada masa hadapan?

Dari awal lagi, kita sudah pun melaksanakan program berdasarkan pelan strategik ke arah pembangunan Universiti. Saya mahu UMK berjaya menarik lebih ramai cerdik pandai dan profesional untuk berkhidmat dengan Universiti ini. Justeru, kita perlu melihat apa yang kita boleh berikan kepada mereka. Saya mahu UMK dijadikan sebagai sebuah organisasi contoh atau role model yang membawa nilai terbaik kepada masyarakat setempat. Kita tidak boleh menunggu lama untuk merealisasikan matlamat itu kerana saya berharap UMK dapat memasuki tahap kematangan dalam 10 tahun akan

datang, manakala pada lima hingga enam tahun lagi, diharapkan kita mampu berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan IPTA lain dan menjadi sebuah institusi yang sangat berdaya saing. Selain itu, saya berharap agar UMK dapat diiktiraf sebagai Universiti Keusahawanan pada peringkat tempatan dan antarabangsa serta mampu menyumbang secara efektif kepada kemajuan dan pembangunan negara pada masa hadapan.

Apakah pendapat Dato' tentang cadangan kerajaan untuk memberikan autonomi kepada IPT dalam beberapa aspek seperti yang diumumkan baru-baru ini?

Kerajaan sebenarnya sudah memberi banyak autonomi kepada IPTA sebagai sebuah badan berkanun seperti pengambilan dan pelantikan staf mereka malah Naib Canselor juga telah diberi lebih banyak kuasa untuk membuat keputusan. Kita menyambut baik langkah kerajaan tersebut dan harus lebih bertanggungjawab dan menunjukkan komitmen tinggi dalam hal ini.

Apakah respon dan mesej daripada stakeholders sepanjang tiga tahun Dato' menerajui Universiti ini?

Stakeholders seperti pihak industri memberi banyak sokongan kepada UMK kerana mereka mahu melihat Universiti ini berkembang. Manakala pihak ibu bapa pula, saya tidak menerima sebarang reaksi negatif daripada mereka setakat ini. Ini kerana pada tahun pertama Universiti ini beroperasi, saya telah memberitahu mereka kita menyediakan apa sahaja dalam ruang lingkup kemampuan kita kerana Universiti ini masih dalam proses perkembangan. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh cepat berpuas hati meskipun setakat ini *stakeholders* memberikan sokongan dan maklum balas positif kepada Universiti.

Boleh Dato' jelaskan tentang perkembangan status kampus tetap di Bachok dan Jeli?

Setakat ini, kerja-kerja pembangunan kampus tetap di Bachok dan Jeli berjalan mengikut perancangan. Mungkin ada pihak tertentu yang tertanya-tanya kenapa kampus tersebut tidak siap lagi, namun saya harap mereka boleh faham bahawa kita memerlukan masa untuk membinanya dan Universiti tidak akan muncul di depan mata kita hanya dengan menekan satu butang sahaja. Kita memerlukan tempoh masa dua tahun untuk membuat persediaan dan perancangan seperti reka bentuk, seterusnya dua tahun lagi diperlukan untuk pembinaan.


Apakah harapan Dato' terhadap pelajar-pelajar yang bakal dilahirkan oleh UMK?

Kita akan melahirkan graduan kumpulan pertama pada tahun 2011 dan mereka diharap dapat menjadi sampel yang baik. Kita mahu graduan UMK bukan sahaja boleh mencari pekerjaan dalam sektor awam malah bekerja di mana-mana sahaja termasuk menceburi bidang keusahawanan jika mereka berkemampuan. Kita mahu melahirkan graduan yang berkualiti tinggi, kreatif, inovatif, berdikari, mampu menyesuaikan diri dengan persekitaran pekerjaan, menjadi seorang pekerja yang baik dan memiliki nilai-nilai positif dalam aspek kehidupan. Kita mahu graduan UMK merupakan individu yang dapat membangunkan diri dan keluarga mereka serta menyumbang ke arah pembangunan negara.

Misi Kemanusiaan ke Padang, Indonesia
19-21 November 2009



SEMINAR On Architectural Identity In East
 23 Disember 2009 Coast Region - Direction and Issues



**BENGKEL PEMANTAPAN
 PENGURUSAN 1**
 Kump. Pengurusan & Profesional
 10-12 Disember 2009



UMK-PSU CULTURAL CARAVAN 2009
 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN - PRINCE OF SONGKLA UNIVERSITY
 20-22 NOVEMBER 2009



Kursus Latihan Fertigasi 2009
 (Sayur-sayuran & Buah-buahan)
 2-3 Disember 2009



program cls

CHAIRMAN LECTURE SERIES 10

"USAHAWAN perlu menjadikan konsep I.D.A (*Interest, Desire, Action*) sebagai platform untuk berjaya dalam perniagaan yang diceburi di samping mempunyai minat yang mendalam dan jati diri yang tinggi," ujar Pengerusi Eksekutif Nadicorp Holdings Sdn Bhd, Y.Bhg. Dato' Mohd Nadzmi bin Mohd Salleh semasa menyampaikan ceramah beliau dalam Program Chairman Lecture Series (CLS) ke-10 bertajuk "*Business Turnaround: An Entrepreneurial Strategy For Corporate Success*" di sebuah hotel di Kota Bharu, Kelantan pada 12 September 2009.

Beliau berpengalaman luas mengendalikan syarikat-syarikat kerajaan yang bermasalah sehingga berjaya membawa syarikat-syarikat tersebut keluar daripada kemelut serta masalah perniagaan menerusi pengurusan yang telus dan mantap.

Menurut Dato' Nadzmi, usahawan perlu fokus kepada sesuatu perniagaan yang dijalankan dan menentukan misi dan visi syarikat serta memberi lebih tumpuan kepada bagaimana cara untuk menangani sesuatu permasalahan perniagaan yang timbul.

"Usahawan mesti mempunyai pengetahuan (*knowledge*) dan belajar tentang semua perkara memperbaiki kesilapan yang berlaku untuk menguruskan perniagaan dengan cemerlang. Dengan ini kita akan menjadi lebih kreatif dalam menyelesaikan masalah," jelasnya.

Sementara itu, Felo Utama UMK, Y.Bhg. Prof. Abdul Hamid bin Mohamed yang turut menyampaikan ceramah bertajuk "*Risk Taking+Business Sense=An Entrepreneurial Game*" berkata, "usahawan perlu berani mengambil risiko dan mempunyai minat yang tinggi serta kesungguhan untuk memperoleh kejayaan cemerlang."

Turut hadir dalam program tersebut ialah Pengerusi LPU, Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah bin Che Othman; Ahli LPU, Y.Bhg. Dato' Mohamed bin Hussein, Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed, Naib Canselor UTHM, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Noh Dalimin dan Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed dan Y.Bhg. Prof. Dr. Azizul Halim bin Yahya.



Bergambar kenangan bersama Y.Bhg. Dato' Mohd Nadzmi bin Mohd Salleh pada Program Chairman Lecture Series ke 10.

BENGGKEL PEMANTAPAN PENGURUSAN 1 KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL



Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai menyampaikan taklimat.



Sebahagian peserta mendengar taklimat yang diberikan.

NAIB Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed menyeru agar semua staf Universiti mengamalkan tujuh tabiat ketika melaksanakan tugas seharian dalam usaha meningkatkan kecekapan serta keberkesanan kerja mereka.

Beliau berkata, "tujuh tabiat orang berkesan yang diperkenalkan oleh pemikir terkenal Stephen R. Covey dalam bukunya bertajuk *The Seven Habits Of Highly Effective People* pada tahun 1989 itu seharusnya dijadikan amalan dan panduan oleh semua staf UMK."

Menurutnya, tabiat itu adalah bersikap proaktif; bermula dengan matlamat; melaksanakan sesuatu perkara mengikut peraturan dan keutamaan; menentukan situasi sama-sama menang; dan memahami orang lain sebelum mereka memahami kita. Tabiat seterusnya adalah menggembeng tenaga untuk menjalinkan kerjasama dan mengukuhkan ikatan; serta sentiasa membuat perubahan diri dalam empat aspek asas iaitu fizikal, mental, sosial atau emosi dan rohani."

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ceramah bertajuk "Falsafah Pentadbiran dan Governans sebuah Universiti" pada Bengkel Pemantapan Pengurusan 1, Kumpulan Pengurusan dan Profesional UMK di Bukit Keluang Beach Resort, Besut, Terengganu.

Bengkel yang diadakan selama tiga hari dua malam bermula 10 hingga 12 Disember 2009 itu bertujuan untuk memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada staf kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41-52) UMK dalam pelbagai aspek, antaranya matlamat sebuah universiti, ciri kepimpinan, dan kualiti (kecekapan dan keberkesanan kerja).

Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed berkata, "urus tadbir di Universiti pada hakikatnya adalah berstruktur dan mempunyai hierarki yang menuntut semua warganya untuk bekerja secara berpasukan".

"Selain itu, urus tadbir Universiti mementingkan ketelitian kerja yang memerlukan semua staf untuk mengutamakan semakan dan ketetapan fakta," ujar beliau.

Jelasnya, "bengkel yang julung kali diadakan itu diharap dapat meningkatkan pemahaman staf-staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional terhadap urus tadbir Universiti seterusnya berusaha merealisasikan visi, misi dan objektif Universiti".

PIALA SERI ENDON

UJI KREATIVITI PESERTA FTKW



Dua pereka dari FTKW, Sairu Azwan dan Muhammad Najibul Muthiie bersama trofi serta hasil kreativiti mereka.



DUA pereka dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berjaya mendapat hadiah saguhati dalam pertandingan rekaan batik berprestij, Piala Seri Endon 2009 untuk kategori kemasan lembut.

Kedua-dua mereka iaitu Sairu Azwan Shafii dan Muhammad Najibul Muthiie Che Ya'acob bertanding sebagai satu kumpulan dengan nama Asperasi Estetika dan telah memilih untuk mengaplikasikan motif hulu Keris Tanjung ke dalam reka corak batik yang berkonsepkan moden kontemporari.

Mereka bersama 14 kumpulan lain yang memasuki pertandingan akhir untuk kategori sama dikehendaki menghias sebuah bilik sebenar dengan produk-produk seperti langsir yang dihasilkan menggunakan rekaan fabrik masing-masing.

Menurut Muhammad Najibul, pusingan akhir pertandingan diadakan di Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur dari 20 hingga 23 November 2009 dan para peserta dikehendaki untuk menghias bilik hotel tersebut menggunakan kreativiti masing-masing.

Rasional kumpulan kami memilih hulu Keris Tanjung sebagai motif reka corak batik kami adalah kerana kesedaran terhadap pentingnya keagungan sejarah Melayu ini dikekalkan dan diingati oleh masyarakat zaman ini," katanya.

Beliau berkata, Keris Tanjung adalah lambang keagungan Kerajaan Melayu Langkasuka pada abad ke-2 yang merangkumi daerah Pattani, Kelantan, Terengganu dan Pahang malah kehalusan ukiran pada hulu keris tersebut menggambarkan ketinggian nilai seni yang tersemat dalam diri para pengukir Melayu ketika itu.

Kombinasi konsep moden kontemporari dan gaya 'minimalist' kemudiannya diaplikasikan dalam setiap susun atur keseluruhan ruang bilik untuk menyerlahkan lagi motif reka corak batik kami," jelasnya.

Sairu Azwan dan Muhammad Najibul diumumkan sebagai pemenang hadiah saguhati untuk kategori kemasan lembut dan membawa pulang RM1,000 serta piala pada majlis penganugerahan Piala Seri Endon 2009 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 13 Disember 2009.

Pertandingan tahunan anjuran Yayasan Budi Penyayang sejak tahun 2003 itu bertujuan mencungkil bakat dan menyediakan landasan untuk pereka batik tempatan menonjolkan kreativiti serta kebolehan masing-masing.

PECIPTA 2009 UMK menang satu gangsa



Prof. Dr. Awang Soh @Yussof bin Mamat

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) sekali lagi mencipta sejarah apabila memenangi satu pingat gangsa dalam Persidangan dan Ekspo Antarabangsa Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi (PECIPTA 2009) anjuran Universiti Malaya (UM) bersama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) membabitkan 22 Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/S) di negara ini.

UMK yang menghantar tiga produk berjaya memenangi satu pingat gangsa menerusi produk berasaskan makanan lintah yang dikenali sebagai HF Hirudin Fertilizer ciptaan Pensyarah Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli, Prof. Dr. Awang Soh @Yussof bin Mamat.

Manakala dua produk lain ialah Car Rain Kit dan Ablution Dryer adalah hasil ciptaan staf Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Encik Muhd Najibul Muthiie bin Che Ya'acob dan En. Ahmad Humaizi Hasim.

Majlis perasmian PECIPTA 2009 yang bertemakan "Driving Research Innovation Towards Value Creation", telah disempurnakan oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin dan berlangsung selama tiga hari bermula 8 hingga 10 Oktober 2009.

Objektif utama PECIPTA ialah untuk menonjolkan hasil penyelidikan yang telah dijalankan oleh universiti tempatan. Persidangan dan ekspo tersebut telah diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, (KLCC), Kuala Lumpur.

MINI EKSPEDISI SAINTIFIK LOJING

harapan dan realiti

DENGAN keluasan 25,440km persegi dan ketinggian 610m - 1,500m dari paras laut serta suhu antara 18 hingga 25 darjah celsius sedikit pun tidak mematahkan semangat lima staf Universiti Malaysia Kelantan meneruskan penerokaan misi Mini Ekspedisi Saintifik Tanah Tinggi Lojing, di Gua Musang, Kelantan.

Ekspedisi yang diketuai oleh Pensyarah Kanan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA), En. Zulhazman bin Hamzah serta empat (4) peserta iaitu En. Ariffin Kamarul, Hafriez Mohd Aiman Ibrahim, Suhalmi Omar dan Mohd Al Azam Mohd Razi bergabung tenaga menjalankan penggambaran di Lojing yang terletak di Wilayah Barat Daya Negeri Kelantan.

Menurut Zulhazman, fokus utama mini ekspedisi ini ialah merakam lebih banyak foto untuk di dokumentasikan menerusi edisi kedua buku *Lojing: Unveiling The Treasure of South Kelantan* di samping pihak UMK ingin menambah maklumat lebih lanjut tentang flora dan fauna serta kehidupan penduduk tempatan dalam golongan Temiar.

Ekspedisi itu juga bertujuan untuk merakam keindahan dataran tanah tinggi Lojing yang merupakan sebahagian Banjaran Titiwangsa beriklim sederhana sejuk terkenal dengan pusat pengeluaran sayur-sayuran, buah

strawberi dan orkid yang bersempadan dengan Cameron Highlands.

"Kumpulan ekspedisi kami dibahagi kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan pertama memulakan ekspedisi pada 5 Oktober 2009 dan diikuti oleh kumpulan kedua pada 7 Oktober 2009. Rombongan kami amat bertuah kerana berkesempatan tinggal di perkampungan orang Asli yang disewa dengan bayaran RM5 seorang. Sepanjang ekspedisi kami beruntung kerana turut berpeluang untuk mengamati tarian tradisional Temiar yang dikenali sebagai Sewang. Ekspedisi ini mendapat kerjasama baik daripada Perhilitan, FRIM, Kesedar dan Pejabat Perhutanan," katanya.

Tambah beliau, kerjasama erat oleh agensi tersebut banyak membantu pihak ekspedisi UMK untuk merakam foto-foto spesies unggas seperti burung, serta menangkap dan melepaskan burung-burung kecil dan Cameron dengan menggunakan perangkap mamalia kecil.

"Pejabat Perhutanan FRIM juga banyak membantu kita untuk mengukur dan mengenal pasti pelbagai jenis pokok dan bunga untuk dirakamkan foto. Antaranya ialah bunga daripada spesies *Rafflesia Kerrii*, pokok-pokok buluh, paku-pakis sungai dan pelbagai tanaman liar hutan", ujarnya.



UMK hasrat wujud Fakulti Seni Bina

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) berhasrat mewujudkan sebuah fakulti baru iaitu Fakulti Seni Bina di universiti itu pada masa hadapan, kata Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) nya, Prof. Dr. Azizul Halim Yahya.

Beliau berkata, Fakulti Seni Bina sesuai diwujudkan di UMK kerana lokasi Universiti yang terletak di Pantai Timur dan dikelilingi dengan banyak bangunan yang boleh dijadikan bahan kajian.

"Ia juga membolehkan kita membuat kajian ilmiah dan perbandingan dengan bangunan-bangunan yang terdapat di negeri lain seperti dalam aspek struktur bangunan", jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan seminar yang bertajuk 'Identiti Seni Bina di Pantai Timur: Isu-Isu dan Hala Tuju' di Dewan Kuliah 3 dan 4 UMK, pada 23 Disember 2009.

Seminar anjuran Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) UMK itu antara lain bertujuan mengenal pasti sumbangan seni bina bangunan kepada perkembangan industri pembinaan di Pantai Timur.

Selain FTKW, UMK mempunyai tiga buah lagi fakulti buat masa sekarang iaitu Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP); Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) dan Fakulti Perubatan Veterinar (FPV).

Menurut Dr. Azizul Halim, seni bina menjadi salah satu agenda penting kepada pemimpin-pemimpin negara dalam pembentukan identiti nasional sejak Malaysia



mencapai kemerdekaan.

"Sebagai contoh, identiti nasional boleh dibuktikan menerusi pembinaan dan reka bentuk bangunan Parlimen, Muzium Negara serta Masjid Negara. Bangunan tersebut juga menjadi bahan kajian di kalangan ahli-ahli akademik," katanya.



Program bantuan kemanusiaan di Padang, Indonesia.



UMK REALISASIKAN

MISI BANTUAN KEMANUSIAAN GEMPA BUMI KE PADANG PADA 19-21 NOVEMBER 2009

"PEDULII! Saatnya kita bangkit, Ayo kita bangun Kota Tercinta ini dengan tekad kuat dan kebersamaan."

Itulah antara sebahagian kata-kata semangat dan inspirasi tertera pada papan tanda dan sepanduk yang sempat dirakamkan oleh lensa jurugambar rombongan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) semasa berada di tengah-tengah kota Padang, Sumatera Barat, Indonesia yang musnah akibat gempa bumi pada 30 September 2009.

Peristiwa gempa bumi berukuran 7.6 skala Richter yang menggoncang Padang pada jam 5.30 petang pada hari tersebut turut mengakibatkan kematian 1,115 orang, 1,214 cedera parah dan 1,688 cedera ringan.

Dengan berbekalkan kata-kata semangat itu, serba sedikit mampu memberi motivasi kepada sebahagian penduduk yang masih lagi trauma dan terpaksa berteduh di dalam khemah-khemah penempatan sementara untuk bangkit membangunkan semula Padang dengan sisa atau saki-baki yang ada.

Walaupun secara umumnya fasa darurat di Sumatera Barat sudah berlalu, namun beberapa daerah masih lagi dikategorikan dalam Zon Merah. Ini tidak sedikit pun menghalang rombongan Misi Bantuan Kemanusiaan Mangsa Gempa Bumi Padang yang diketuai oleh Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed meneruskan lawatan kerja ke Padang.

Menurut Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai, rombongan UMK seramai tujuh (7) pegawai dan empat (4) pemimpin pelajar yang mengikuti misi program selama tiga hari itu turut menghulurkan sumbangan wang, barang dan pakaian kepada mangsa gempa bumi.

Lawatan itu juga bertujuan meninjau beberapa lokasi yang musnah di samping mengenal pasti jenis sumbangan dan bantuan untuk diberikan kepada masyarakat menerusi program bantuan kemanusiaan fasa II yang akan dilancarkan nanti.

"Hasil lawatan ini, beberapa program dan aktiviti akan diatur untuk membantu mereka selepas ini. Pelajar akan ditempatkan bersama dengan masyarakat di sana untuk beberapa hari bagi melaksanakan program yang dirancang," katanya selepas selesai menyempurnakan misi Bantuan Kemanusiaan Gempa Bumi yang diadakan

di Padang pada 19 hingga 21 November 2009.

Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai dan rombongan UMK turut melawat anak-anak yatim di Panti Asuhan Aisyiyah di Kampung Birik-Birik, Pariaman di samping memberi sumbangan berupa barang keperluan dan wang hasil daripada kutipan tabung sumbangan staf serta pelajar UMK yang dilancarkan baru-baru ini.

UMK JALIN KERJASAMA DENGAN UNIVERSITI BANGLADESH



BANGLADESH sekali lagi dipilih sebagai lawatan kerja delegasi Universiti Malaysia Kelantan (UMK) untuk berkongsi kepakaran dan jalinan kerjasama antara kedua-dua buah negara dalam hal ehwal pendidikan.

Program pengantarabangsaan yang berlangsung dari 27 September hingga 1 Oktober 2009 itu diketuai oleh Dekan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA), Prof. Dr. Ibrahim Che Omar, pensyarah FASA, Dr. Kassim Buhiran, dan En. Aweng a/I Eh Rak serta Penolong Pendaftar Bahagian Akademik, En. Saffiri Ibrahim.

Misi ke Bangladesh kali ini bukan sahaja tertumpu pada pengantarabangsaan malah bertujuan menarik minat kakitangan akademik dari Universiti Bangladesh untuk memulakan kerjaya mereka di UMK. Selain itu, pelbagai diskusi mengenai potensi kerjasama berhubung program-program yang ditawarkan turut diadakan antara Universiti Bangladesh terutamanya dalam kepakaran biologi. Bidang tersebut boleh dimanfaatkan dalam pengajian dan pembelajaran di UMK.

Rayuan Kemboja

tagih simpati UMK



TIADA satu patah perkataan dapat diungkapkan untuk menggambarkan situasi sebenar penderitaan dan kemiskinan penduduk di Kampung Thom, di Kemboja, yang dialami sejak puluhan tahun lalu.

Namun, sebaik sahaja kaki berpijak ke bumi yang terkenal dengan sejarah Angkor Wat itu barulah sekumpulan 68 sukarelawan yang terdiri daripada staf, siswa siswi mahupun siswa Majlis Sukarelawan Universiti-Universiti Malaysia (MASKUM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dapat merasai sendiri keinsafan betapa beruntungnya lahir di bumi Malaysia.

Tatkala mendengar rintihan ibu-ibu dan nenek mengadu nasib serta melihat anak-anak kecil yang tidak berpakaian sambil merenung jauh dan membayangkan masa depan yang belum pasti, membuatkan mereka menitis air mata tanpa disedari.

Setiap kali peserta sukarelawan berkunjung dan melakukan penyelidikan dari sebuah rumah ke sebuah rumah selama lima hari di sekitar Kemboja mereka dapat melihat sendiri kesusahan dan keperitan hidup penduduk selama berpuluh-puluh tahun lamanya.

Menurut Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainal bin Mohamed, menerusi aktiviti Program Kemasyarakatan dan Pengantarabangsa Siswa Sisiwi Universiti Malaysia Kelantan ke Kemboja 2009 dengan merealisasikan Korban dan Misi Kemanusiaan di

Kampung Thom, Kemboja, dari 25 November hingga 3 Disember 2009 seperti ini dapat memberi pembelajaran yang berkesan kepada siswa siswi. Aktiviti sebegini dapat memberi nilai tambah dalam kehidupan seterusnya bersama-sama membentuk budaya kesukarelawan dalam kampus.

Tambah beliau, selain merealisasikan korban dan misi kemanusiaan ini, sukarelawan UMK juga diberi tugas penyelidikan berkaitan dengan kehidupan dan sosio ekonomi masyarakat Kampung Thom. Tujuan penyelidikan ini diadakan untuk membolehkan pihak MASKUM, UMK merancang bentuk bantuan, khidmat nasihat dan kepakaran bagi membantu masyarakat di Kemboja.

"Ini sebahagian usaha UMK membantu mereka untuk memperbaiki taraf hidup ekonomi keluarga, komuniti dan penduduk di sana," katanya yang turut serta turun padang menyempurnakan perasmian program berkenaan. Ketua-ketua komuniti serta masyarakat Kampung Thom turut hadir dalam majlis tersebut.

Ketua Seketeriat MASKUM-UMK, Cik Nawwal binti Abdul Kadir berkata, program yang bertemakan Relevan Situasi Mencapai Misi anjuran UMK ini bertujuan untuk memberi latihan kesukarelawan dalam kalangan pelajar agar mereka sentiasa bersedia dan berupaya bertindak mengikut situasi dan kaedah pembelajaran melalui kerja lapangan yang berkonsepkan penerokaan ilmu.



Sebahagian sukarelawan warga UMK mengecat bangunan sekolah di Kampung Thom, Kemboja.



Penduduk diberi rawatan kesihatan percuma oleh pihak UMK.



Prof. Dato' Ir. Dr. Zainal mengagihkan sumbangan makanan kepada kanak-kanak Kemboja.



"Pelajar juga diberi pendedahan untuk mempraktikkan komunikasi berkesan semasa proses pengumpulan maklumat tentang sosio budaya, menghayati dan memahami budaya lain seperti di Kemboja di samping menginsafkan pelajar dan menanamkan semangat kecintaan kepada negara untuk memikul tanggungjawab sebagai warga Malaysia yang setia dalam negara yang berbilang kaum, agama dan bangsa," katanya semasa mengetuai rombongan sukarelawan di Kemboja, baru-baru ini.

Tujuan program ini diadakan ialah untuk memperkenalkan Universiti kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa melalui program-program kemasyarakatan dan pengantarabangsaan pelajar ke luar negara. Menerusi program itu juga dapat memberi impak yang berkesan tentang kewujudan dan kepentingan Universiti kepada masyarakat tempatan dan luar negara.

Tambah Cik Nawwal selaku Ketua Rombongan, misi kemanusiaan itu juga dapat memberi pengalaman kepada Universiti dalam pengurusan dan penganjuran program-program kesukarelawan serta kemasyarakatan di peringkat antarabangsa; di samping menjadikan wilayah yang didiami oleh masyarakat Melayu di Kemboja sebagai salah satu tempat penyelidikan dalam bidang sosio budaya masyarakat Melayu Malaysia-Kemboja.

Peluang ini juga diambil untuk mempromosikan Universiti dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan kepada masyarakat tempatan di seluruh negara menerusi

siaran dalam media elektronik dan media cetak.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program itu ialah ibadah korban dan aqiqah sempena sambutan Hari Raya Aidiladha; menyumbangkan *water pump* dan *generator*; membaiki Pusat Komuniti dan mengecat semula masjid; memberi sumbangan pakaian, makanan dan derma wang tunai; bersunat/berkhitan dan pemeriksaan kesihatan; kaunseling dan pendidikan; dan sukaneka.

Semua sumbangan ini adalah hasil sumbangan orang ramai manakala sukarelawan UMK menjadi perantara agar hajat dan hasrat orang ramai untuk beramal jariah dan membantu masyarakat yang kurang bernasib baik di Kemboja menjadi realiti.

Selama enam (6) hari berkampung di Kampung Thom, sukarelawan UMK telah menerima tetamu kehormat iaitu Menteri Kebudayaan dan Agama Kemboja iaitu YBhg. Dr. Sos Mousine dengan diiringi tiga (3) orang pegawai kanannya dan Pembantu Menteri Pertanian dan Penternakan En. Syokri yang telah sudi datang untuk beramah mesra dengan sukarelawan UMK dan menyaksikan kerja-kerja membaiki Pusat Komuniti.

Pada hari terakhir Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed dan isteri, Datin Siti Aini Suriati binti Abd. Samad telah sudi mengambil bahagian dalam sukaneka bersama masyarakat Kampung Thom iaitu dalam acara lumba basikal lambat dan tarik tali.

PERPADUAN SEJAGAT Kecemerlangan Bersama



MERIAH. Itulah ungkapan yang dapat diluahkan untuk menggambarkan sambutan perayaan 1Malaysia yang menggabungkan tiga perayaan oleh tiga kaum utama di negara ini yang disambut oleh warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Selaras dengan saranan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat, Datuk Seri Najib Tun Razak, konsep 1Malaysia diharap dapat menjadikan kepentingan rakyat berbilang bangsa di negara ini sebagai asas kepada agenda

Bermula dengan sambutan Aidilfitri pada bulan Oktober lalu bagi masyarakat Islam, kemeriahan diteruskan pula dengan sambutan Pesta Tanglung yang diraikan oleh masyarakat berbilang bangsa Cina. Tidak hanya tamat di situ kemeriahan juga dapat dirasai dengan sambutan Pesta Cahaya bagi masyarakat India.

Gabungan perayaan oleh masyarakat berbilang bangsa ini membuktikan konsep 1Malaysia diterima oleh semua pihak.

Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof' Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed berkata, "sempena kehadiran 1 Syawal 1430, pihak Universiti telah mengadakan rumah terbuka Aidilfitri pada 4 Oktober 2009 hasil kerjasama baik daripada 10 jabatan dan unit PTJ masing-masing.

"Program seumpama ini secara tidak langsung selaras dengan konsep 1Malaysia. Ia dapat meningkatkan pengetahuan warga Universiti tentang kebudayaan rakyat pelbagai kaum di negara ini.

"Kemeriahan sambutan Pesta Tanglung yang diadakan pada 3 Oktober 2009 turut mendapat sambutan apabila hampir 800 warga UMK termasuk siswa dan siswi hadir pada majlis itu.

"Pesta Tanglung yang julung kali diadakan dengan tema Persefahaman Budaya, Asas Keharmonian kerana dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik seperti deklamasi sajak, persembahan tarian singa, drama asal kuih bulan, tarian kipas, pertandingan kuih bulan manakala acara kemuncak ialah perarakan membawa tanglung," katanya.

Tambah beliau, sambutan Deeparaya yang diadakan pada 28 Oktober 2009 dengan tema "Perpaduan Sejagat Kecemerlangan Bersama" juga bertujuan menjalinkan hubungan silaturahim antara mahasiswa dan staf UMK.

"Di samping itu, program ini juga dilihat dapat mengukuhkan semangat perpaduan dan komitmen warga Universiti sebagai salah satu cabang pembelajaran di luar bilik kuliah. Dengan gabungan tiga perayaan itu, ia ternyata berjaya memupuk semangat perpaduan berlandaskan konsep 1Malaysia," katanya.



Semangat 1Malaysia yang ditunjukkan oleh warga UMK menyemarakkan lagi ikatan sesama bangsa.